

APAKAH YANG PERLU ANDA LAKUKAN ?

1. Layari laman sesawang <https://penerbit.utm.my/>
2. Muat turun Panduan Membina Manuskrip Modul Pengajaran.
3. Muat turun Borang Pengakuan Penyerahan Manuskrip Modul Pengajaran (wajib diisi oleh penulis).
4. Borang Pengakuan Penyerahan Manuskrip hendaklah diserahkan semasa penghantaran manuskrip *hardcopy* ke Penerbit UTM Press.
5. Manuskrip *softcopy* hendaklah di-e-mel ke modulpengajaran@utm.my

PENYERAHAN MANUSKRIP MODUL PENGAJARAN

Manuskrip lengkap yang telah diatur huruf sendiri oleh penulis hendaklah diserahkan kepada Penerbit UTM Press dalam bentuk salinan asal yang bercetak dan dihantar ke alamat berikut:

Penerbit UTM Press
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
JOHOR, MALAYSIA

u/p: Unit Karya Asli dan Modul Pengajaran
Tel : 07-5535818

Manuskrip *softcopy* hendaklah di-e-mel ke
modulpengajaran@utm.my



PENERBITAN MODUL PENGAJARAN

<https://penerbit.utm.my/>

PENGENALAN

Bagi membantu dan menggiatkan staf akademik/bukan akademik menghasilkan bahan pengajaran yang berkualiti, Penerbit UTM Press berusaha menerbitkan modul pengajaran untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran.

Modul pengajaran (MP) ini merupakan koleksi bahan pengajaran dan nota kuliah yang merangkumi jadual, rumus, slaid pengajaran dan lain-lain yang akan diterbitkan untuk kegunaan dalaman UTM sahaja.

JENIS-JENIS MODUL PENGAJARAN

(1) MODUL PENGAJARAN BERBENTUK TEKS

Modul yang digunakan sebagai rujukan dan mengandungi huraian lanjut mengenai sesuatu subjek yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Saiz modul ini ialah 6.5" x 9.5".

(2) MODUL PENGAJARAN BERBENTUK BUKU KERJA

Modul yang digunakan sebagai rujukan dan buku kerja mengenai sesuatu subjek atau bidang yang digunakan sebagai instrumen pengajaran interaktif. Saiz modul ini ialah 8.3" x 11.7" (A4).

PERMOHONAN PENERBITAN MODUL PENGAJARAN

Penulis yang berminat untuk menghasilkan penulisan modul pengajaran disaran supaya menghantar manuskrip kepada Penerbit UTM Press dengan mengisi borang pengakuan penyerahan modul pengajaran yang disediakan.

FORMAT DAN PANDUAN MEMBINA MANUSKRIP

Format dan panduan manuskrip boleh dirujuk di laman web rasmi Penerbit UTM Press, iaitu <https://penerbit.utm.my/>

CARTA ALIR PROSES PENERBITAN MODUL PENGAJARAN

